

# Dr. M tonggak utama di belakang ASEAN — Severino

UM 3 NOV 2002

PHNOM PENH 2 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merupakan tonggak utama di belakang ASEAN sepanjang beliau memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia, kata Setiausaha Agung ASEAN, Rodolfo Severino.

Beliau berkata, selain menjadikan Malaysia sebagai model pembangunan dan sistem perdagangan terbuka di rantau ini, Dr. Mahathir turut menerajui usaha memperkasa ASEAN dengan menarik empat negara baru menyertai pertubuhan serantau itu.

“Dr. Mahathir telah menjadi penggerak utama di belakang ASEAN dan telah berusaha untuk menarik Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam ke dalam badan serantau itu,” katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita pada majlis menandatangani memorandum persefahaman bagi kerjasama pertanian antara Sekretariat ASEAN dan China selepas mesyuarat pegawai-pegawai kanan (SOM) ASEAN di sini hari ini.

SOM ASEAN diadakan sebagai persediaan menghadapi Sidang Kemuncak ASEAN pada 4 dan 5 November.

Menurut Severino, dakwaan mengenai tentangan Dr. Mahathir terhadap usaha mengadakan sidang kemuncak ASEAN dengan Australia tidak benar sama sekali kerana beliau (Dr. Mahathir) sentiasa mendokong pembesaran forum serantau itu.

Forum antara ASEAN dan Australia sebenarnya tidak diputuskan lagi dan pertubuhan itu sekarang ini masih lagi mengadakan perbincangan mengenai kemungkinan tersebut, ujarnya.

“Kita belum tahu mengenai Australia kerana belum ada sebarang keputusan dibuat tetapi sidang kemuncak ASEAN dengan India sudah hampir pasti,” tambah beliau.

Mengenai sambutan yang akan diberikan oleh ASEAN terhadap Dr. Mahathir yang mungkin menghadiri sidang kemuncak ASEAN yang terakhir sebelum bersara pada Oktober 2003, Severino berkata, beliau pasti semua pemimpin rantau itu mempunyai rancangan mereka sendiri bagi meraikan Perdana Menteri.

---

## Dihormati

Dr. Mahathir sebelum ini menyuarakan keputusannya untuk bersara pada akhir Oktober depan dan menyerahkan teraju pemerintahan kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, selepas melalui tempoh peralihan selama 15 bulan.

Kata Severino, Dr. Mahathir merupakan seorang pemimpin yang amat dihormati kerana mempunyai idea yang jelas mengenai apa yang terbaik untuk Malaysia.

“Beliau telah menunjukkan keupayaannya untuk memimpin negara seperti Malaysia dan tahu apa prasarana yang diperlukan (bagi membangunkan negara),” katanya. — *Utusan*